



BAJET MASA DEPAN

Rancang kewangan ikut fasa hidup

Oleh Alzahrin Alias
zahrin@bharian.com.my

MINGGU lalu kita mempelajari kenapa anda memerlukan perancangan kewangan dalam menjalani kehidupan. Ramai antara kita, terutama mereka yang baru memulakan kehidupan berumah tangga atau bekerja sering mengabaikan perancangan kewangan.

Ramai beranggapan melupakan perancangan kewangan melecehkan dan ketika baru memulakan kehidupan, sudah tentu banyak perkara yang ingin dimiliki. Namun, untuk jangka masa panjang anda memang memerlukan pelan kewangan peribadi.

Dengan pelan kewangan peribadi, anda akan mempunyai lebih kawalan terhadap hal ehwal kewangan dan berupaya mengelak perbe-



lanjauan berlebihan, hutang tidak terurus, kebangkrutan atau kebergantungan kepada pihak lain.

Ia juga mengeratkan lagi hubungan peribadi dengan individu sekeliling anda seperti keluarga, kawan-kawan dan rakan-sekerja kerana anda gembira dengan kehidupan anda. Gembira kerana mempunyai pelan kewangan dan tidak perlu pinjam meminjam wang untuk memenuhi ke-

perluan atau mengharapkan sumbangan daripada orang lain.

Anda juga gembira kerana bebas daripada kebimbangan kewangan kerana anda sudah merancang bagi masa depan, merancang perbelanjaan dan mencapai matlamat peribadi hidup anda.

Anda menjadi lebih efektif untuk mendapat, menggunakan dan melindungi sumber kewangan anda sepanjang hayat, bukan hanya bagi diri

anda malah bagi mereka yang tersayang.

Dengan kata lain, apabila anda mempunyai pelan kewangan peribadi yang terurus, anda lebih mahir keperluan masa depan dan sumber sedia ada.

Anda juga mendapat ketenangan kerana mampu mengawal semuanya.

Peringkat kehidupan

DALAM kehidupan dewasa, anda akan melalui pelbagai peringkat. Daripada memulakan kerjaya sehingga bersara, daripada bujang sehingga berkahwin, mempunyai anak dan kadangkala membuang sekali lagi.

Walaupun melalui pelbagai fasa kehidupan, anda mempunyai keutamaan, tanggungjawab dan matlamat kewangan yang berbeza-beza. Setiap peringkat

anda mengemukakan peluang pelaburan dan cabaran yang berlainan.

Disiplin dan ketabahan berperanan penting dalam memelihara strategi kewangan yang boleh dipercayai. Sambil kehidupan anda berubah, demikian juga keperluan dan matlamat anda.

Perancangan kewangan yang sempurna membolehkan anda membuat persediaan untuk mencapainya dengan jaya.

Apabila berusia 20-an, anda akan melihat wang dan membelanjakannya secara berbeza berbanding apabila berusia 50-an. Sebagai contoh, ketika bujang anda mungkin ingin memiliki wang yang cukup untuk membuat bayaran muka sebuah kereta atau bercuti bersama kawan-kawan.

Selepas berkahwin, anda mungkin mahu membeli

sebuah rumah. Selepas itu, apabila anda mempunyai anak, anda mungkin mahu merancang pendidikan mereka malah juga memulakan tabung persaraan.

Berikutan keperluan anda berbeza-beza, keutamaan kewangan anda akan diselaraskan untuk memenuhi keperluan itu pada waktu yang berlainan dalam hidup anda.

Apa yang anda lakukan dengan wang anda sambil menempuh kehidupan dewasa bergantung pada matlamat kewangan anda.

Kita akan melihat bagaimana anda mampu mencapai matlamat kewangan anda dalam minggu seterusnya. Namun, adalah berfaedah untuk ditekankan bahawa untuk mencapai matlamat kewangan, anda perlu menabung dari sekarang.



ANDA menghadapi masalah kewangan dan ingin mendapatkan nasihat AKPK melalui kolum Bajet Bijak? Sila hantar kemusykilan anda melalui e-mel ke alamat bminggu@bharian.com.my untuk diteliti dan dianalisa kaunselor AKPK. Ulasan AKPK serta soalan anda akan disiarkan di kolum Bajet Bijak.